

01 DEC 1997

DR MAHATHIR LANCAR KENDERAAN ELEKTRIK PERTAMA NEGARA - ELEKSURIA

BANGI, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kenderaan elektrik pertama buatan Malaysia dan mengisytiharkan namanya sebagai "Eleksuria."

Kereta jenis "buggy" itu dihasilkan oleh Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (POEM) yang ditubuhkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Yang turut hadir pada majlis pelancaran di kampus Universiti Tenaga Nasional itu ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan pengerusi eksekutif TNB Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Menurut Ahmad Tajuddin semalam, keluaran pertama "Eleksuria" sebanyak 10 unit menggunakan lebih 50 peratus komponen tempatan dan dijayakan dalam masa enam bulan sahaja.

Beliau berkata keluaran pertama kenderaan elektrik itu akan dihantar ke Langkawi bagi menyertai Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi '97 (Lima '97).

Pelancaran hari ini juga menandakan bermulanya pengeluaran secara besar-besaran kenderaan POEM yang dijangka sebanyak 500 unit pada peringkat permulaannya. -- BERNAMA

AFY NMO